

kan usahawan kecil dan sederhana.

- Meningkatkan penggunaan teknologi dalam menyalurkan sistem perkhidmatan kepada pelanggan.
- Bekerjasama dengan pakar-pakar dalam dan luar negara khususnya pusat-pusat pengajian tinggi bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan.

#### IKRAR SADIQ

SKIMSEL mewajibkan setiap sadiq melafazkan ikrar berikut:

- Meningkatkan taraf hidup keluarga.
- Membantu ahli kumpulan dan nadi.
- Mengeluarkan keluarga daripada kitaran kemiskinan.
- Membayar balik pinjaman setiap minggu.
- Mendidik anak-anak hingga berjaya.

#### CAWANGAN-CAWANGAN SKIMSEL

Cawangan Hulu Selangor  
Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor,  
Jalan Bukit Kerajaan  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-6064 1059  
Fax : 03-6064 1060

Cawangan Sabak Bernam  
Pejabat Daerah / Tanah Sabak Bernam,  
45300 Sungai Besar,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-3224 3351  
Fax : 03-3224 3352

Cawangan Kuala Langat  
Kompleks Daerah / Kuala Langat  
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah,  
Kota Seri Langat,  
42700 Banting,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-3180 3912  
Fax : 03-3180 3913

Cawangan Sepang  
Pejabat Daerah / Tanah Sepang,  
Bangunan Tun Aziz,  
Bangunan Baru Salak Tinggi,  
43900 Sepang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 012-9629 169

Cawangan Kuala Selangor  
Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor,  
45000 Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-3281 1066  
Fax : 03-3281 1066

Cawangan Hulu Langat  
Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat,  
Bangunan Hisamuddin Alam Shah,  
Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-8925 8469  
Fax : 03-8925 6529

#### IBU PEJABAT SKIMSEL



**YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR**  
Tingkat 2,  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5544 7104 / 03-5519 1692 / 03-5521 2312  
Fax : 03-5510 5829  
Laman Web : [www.skimsel.com](http://www.skimsel.com) E-mail : [info@skimsel.com](mailto:info@skimsel.com)

# SKIM MIKRO KREDIT SELANGOR

*Merakyatkan Ekonomi Selangor*



**Yayasan™  
Dar Al Qard  
Al Hasan Selangor**

# SKIM MIKRO KREDIT SELANGOR

## LATARBELAKANG AGENSI

- Syarikat Induk : Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor
- Nama Skim : Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL)
- Tarikh Kelulusan : 4hb Jun 2010
- Tarikh Pelancaran : 2hb September 2010

## MANDAT

SKIMSEL dipertanggungjawabkan untuk mengurangkan kemiskinan melalui pembangunan ekonomi dan sosial. Skim yang ditawarkan:

- Pembiayaan mikro
- Penggalakan simpanan tabungan
- Pembangunan potensi manusia

Peminjam (sadiq) yang terpilih akan diberi pembiayaan, latihan dan asuhan agar mereka berjaya di dalam perniagaan dan segera mengeluarkan diri dan keluarga dari kitaran kemiskinan.

## VISI

SKIMSEL mempunyai visi untuk menjadi sebuah institusi mikrokredit yang berwibawa yang dapat memberikan kesejahteraan kepada golongan miskin dan golongan berpendapatan rendah di Negeri Selangor.

## MISI

- Menjadi institusi mikrokredit yang terunggul.
- Mensasarkan impak pendapatan sekurang-kurangnya sekali ganda kepada golongan berpendapatan rendah selepas sekurang-kurangnya 4 kali menerima pembiayaan.

## OBJEKTIF

- Mengenalpasti golongan sasaran dari kalangan isirumah miskin untuk diberikan peluang meningkatkan kesejahteraan hidup berdasarkan kepada potensi kemahiran dan pengalaman sedia ada.
- Mengaplikasikan prinsip mikrokredit iaitu pinjaman tanpa cagaran, tanpa penjamin maupun tindakan undang-undang dan pembiayaan yang berterusan.
- Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di mana pendapatan kerajaan negeri disalurkan semula kepada rakyat terutama kepada isirumah miskin dan berpendapatan rendah.

Untuk mencapai objektif tersebut SKIMSEL menyediakan produk-produk berikut:

- Pembiayaan Ekonomi
- Pembiayaan Pendidikan
- Pembiayaan Pelbagai
- Simpanan Wajib

## KELAYAKAN ASAS UNTUK MENYERTAI SKIMSEL

- Pemohon terdiri daripada isirumah yang berpendapatan kurang daripada

RM1,500.00 sebulan atau perkapita RM350.00.

- Pembiayaan tanpa cagaran, tanpa penjamin, tanpa mengira fahaman politik dan bebas daripada diambil tindakan undang-undang.

## SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN

Syarat-syarat pembiayaan adalah seperti berikut:

- Pembiayaan tanpa cagaran dan penjamin.
- Caj perkhidmatan 8% setahun.
- Bersetuju membentuk kumpulan 5 orang ahli.
- Menjalani latihan selama 3 hari (2 jam sehari) sebelum pembiayaan.
- Bersetuju menubuhkan nadi (pusat operasi sadiq).
- Menabung ke dalam Tabung Kumpulan sebanyak RM5.00 seminggu.
- Menghadiri mesyuarat nadi setiap minggu.
- Membayar balik pembiayaan secara mingguan.
- Mencarum dalam Takaful Kredit.
- Bersetuju menyumbang "security deposit" tiga minggu dari pembiayaan ke dalam Tabung Kumpulan.
- Mengikut segala kaedah disiplin mikrokredit untuk menentukan pembiayaan berterusan.

## TEMPOH BAYARAN BALIK

Tempoh bayaran balik adalah 3 bulan hingga 24 bulan atau 12 minggu hingga 100 minggu.

## PAKEJ PERKHIDMATAN SKIMSEL

- Pembiayaan modal -- pembiayaan yang diberikan sebagai modal bagi menjana pendapatan keluarga.
- Simpanan -- kutipan simpanan wajib setiap minggu disimpan dalam Tabung Kumpulan dan boleh dikeluarkan apabila diperlukan.
- Sekuriti -- setiap pembiayaan diinsuranskan. Waris tidak menanggung bebanan hutang sekiranya berlaku kematian kepada sadiq.

## TABUNG KUMPULAN

Tabung Kumpulan diwujudkan untuk membentuk sikap suka menabung disamping menggalakkan tabungan masa depan dikalangan sadiq. Setiap sadiq diwajibkan menyimpan secara mingguan sebanyak RM5.00. Simpanan Tabung Kumpulan digunakan semasa kecemasan dan sebarang keperluan dengan mendapat keizinan ahli kumpulan.

## PERANCANGAN MASA HADAPAN

- Skim Mikro Kredit Selangor akan diperluaskan dengan menggalakkan seramai mungkin golongan miskin rakyat Negeri Selangor menyertainya.
- Membina jaringan perniagaan dikalangan sadiq dan bukan sadiq bagi melahir-